

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1988/89

Mac/April 1989

PDP 474 - Kaedah Mengajar Bahasa Malaysia

Masa : |3 jam|

Jawab soalan No. 1 dan TIGA soalan yang lain.

1. Terangkan apakah yang dimaksudkan dengan teori pemerolehan/pembelajaran bahasa. Apakah hubungannya teori atau teori-teori tersebut dengan pengajaran bahasa?

(40 markah)

2. Apakah ilmu-ilmu dan kemahiran-kemahiran yang mesti dikuasai oleh bakal guru bahasa. Terangkan tiap-tiap aspek dengan alasan-alasan yang kukuh.

(20 markah)

3. Bagaimanakah guru bahasa membuat perancangan pengajaran bahasa untuk setahun? Terangkan apakah bahan-bahan atau maklumat-maklumat yang perlu dirujuk untuk tujuan tersebut. Jawapan anda hendaklah berdasarkan pengajaran di tingkatan IV dan V.

(20 markah)

4. Beri penjelasan lanjut mengenai Bahasa Malaysia merentasi Kurikulum dalam hubungannya dengan KBSM dan KLSM.

(20 markah)

...2/-

5. Pilih salah satu daripada strategi pengajaran bacaan dan terangkan apakah konsep dan cara penyampaianya.

(20 markah)

6. Ada dua aspek pengajaran menulis. Terangkan kedua-dua aspek itu dan aspek manakah yang sesuai untuk pengajaran di Tingkatan VI?

(20 markah)

7. Dalam pengajaran, penilaian merupakan satu komponen penting, mengapa? Beri penjelasan mengenai:

- a) latihan.
- b) ujian.
- c) peperiksaan.
- d) pengukuran.
- e) penilaian.

Apakah langkah-langkah yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas penilaian?

(20 markah)

- oooOooo -